

13/03/2003

Serangan suburkan generasi baru al-Qaeda: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi amarannya bahawa serangan ke atas Iraq akan menyuburkan `generasi baru al-Qaeda' dan mencetuskan lagi kemarahan umat Islam sejagat mengenai ketidakadilan dalam menangani sesuatu isu.

Perdana Menteri menegaskan Malaysia tidak akan menyokong sebarang tindakan ketenteraan terhadap Baghdad hanya semata-mata berpandukan keputusan Amerika Syarikat bahawa Iraq gagal memusnahkan senjata pemusnahnya.

Sambil menegaskan sebarang keputusan mengenai isu itu harus dipertanggungjawabkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), beliau bimbang perang memberi kesan buruk kepada dunia serta mengorbankan rakyat awam Iraq.

"Oleh itu, saya rasa Amerika tidak seharusnya menambahkan kemarahan umat Islam di seluruh dunia dengan menyerang Iraq. Tindakan itu tidak menyumbang kepada usaha memerangi keganasan," katanya yang dipetik oleh sebuah laman web mengenai dunia Islam berpejabat di Doha, Qatar.

Dr Mahathir berkata, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Collin Powell kini kelihatan lebih suka untuk menyelesaikan masalah melalui peperangan, berbanding pendiriannya sebelum ini.

"Saya tidak tahu, tetapi mungkin kerana dia anggota pentadbiran (Presiden George W Bush), menyebabkannya mengikut kehendak itu. Bagaimanapun, saya berpendapat sebagai salah seorang daripada sebilangan kecil anggota Kabinet yang sederhana, dia seharusnya menghormati keperluan untuk mendapat sokongan dari seluruh dunia (menerusi PBB) untuk menyerang Iraq," katanya.

Beliau berkata, Malaysia lebih bimbang mengenai nasib jutaan rakyat Iraq daripada Presiden Saddam Hussein itu sendiri jika tercetus perang.

Selama lebih 10 tahun, katanya, rakyat Iraq sudah menderita kelaparan dan tidak mendapat bantuan perubatan disebabkan sekatan. Berikutan itu, kira-kira 1.5 juta daripada mereka mati.

Perdana Menteri mendesak supaya sekatan yang dikenakan terhadap Baghdad sejak perang teluk 1991, ditarik balik.

Beliau turut mengkritik Amerika kerana matlamat mahu mengguling Saddam Hussein sedangkan banyak lagi rejim lain yang lebih teruk tetapi tidak dipedulikan.